

# ZAKAT: TUNTUTAN YANG SERING DIALPAKAN

Zulkifli Hasan

<http://zulkiflihasan.wordpress.com>

# Isi Kandungan

- Pendahuluan
- Falsafah Muslim
- Zakat
  - Falsafah zakat
  - Beza zakat harta dan zakat fitrah
  - Syarat-syarat zakat
  - Hukum-hakam berkenaan zakat
- Soal jawab
- Rumusan

# Falsafah hidup Muslim

- وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

(Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka menyembahku (al Dzariyat 51: 56).

- Ibadah berasal dari kata 'abada, ya'budu, yang berarti menghamba atau tunduk dan patuh.
- Ibadah am
- Ibadah khusus:
  - Ibadah jasadiyah dan ruhiah: Solat, Puasa,
  - Ibadah Jasadiyah, ruhiah dan maliah: Haji dan Umrah
  - Ibadah ruhiah dan Maliah: Zakat

# Dilema Muslim

- **لَتُبْلَوْنَ فِي أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعُنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ** (Kamu (sungguh2 akan diuji terhadap hartamu dan dirimu dan juga kamu sungguh2 akan mendengar dari orang2 yg diberi kitab sebelum kamu dair org2 yg mempersekutukan Allah, gangguan yg banyak menyakitkan menyakitkan hati. Jika kamu bersabar danbertakwa sesungguhnya yg demikian itu termasuk urusan yg patut diutamakan (Imran, 3: 186).
- Bila diuji dengan 3 ta, wanita, takhta dan harta.
- Cnth: Qarun, surah al qasas: 70-80
- Kisah as-Tsa'labah di dalam kitab Tafsir Fi Zilalil Quran karangan al-marhum as-Syahid Syed Qutb. Syed Qutb menjelaskan, apa yang terjadi dalam kisah Tsa'labah adalah manifestasi kemunafikan segolongan manusia pada zaman Rasulullah SAW.
- Munzer Kahf: 2 isu zakat 1. negara Islam miskin 20 dripd 57 negara OIC miskin pendapatan bawah USD800 setahun (22 negara pengeluar minyak 2. Lemah pengurusan

# Zakat

- Zakat diwajibkan pada 2 hijrah sebelum diwajibkan puasa (Fiqh manhaji): Pada faqir dan miskin
- Hanya 9<sup>th</sup> Hijrah- 8 asnaf (al-taubah: 60)
- Zakat digandingkan dengan solat sebanyak 28 kali Fiqhul manhaji 32x di dalam Quran.

■ وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ “  
عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Dan dirikanlah solat dan tunaikanlah zakat dan keabikan apa saja yg kamu usahakan bagi dirimu tentu kamu akan daapt pahalanya disisi Allah. Baqarah, 1: 110.

# Ganjaran Zakat

- مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ مِائَةٌ حَبَّةٌ وَاللَّهُ يُضَاعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ

(Perumpamaan org yg menafkahkan hartanya dijalan Allah adalah serupa dgn benih yg menumbuhkan tujuh butir, pada tiap2 butir2 seratus biji. Allah melipat gandakan ganjaran bg siapa yg Dia kehendaki (al baqarah, 1: 261).

- Rahmat Allah: وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ
- "Dan dirikanlah kamu akan sembahyang serta keluarkanlah zakat dan taatlah kepada Rasul supaya kamu beroleh rahmat". Surah An-Nur (24: 56)

# Balasan tidak Berzakat

- *يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا ينفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَى بِهَا جِبَاهُهُمْ (٣٤) فَيَبْشِرُهم بِعَذَابِ الِئِيمِ) وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزْتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَذُوقُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ*
- *“Pada hari dipanaskan emas perak itu dalam neraka jahannam, lalu dibakar dengannya dahi mereka, lambung dan punggung mereka (lalu dikatakan) kepada mereka: "Inilah harta bendamu yang kamu simpan untuk dirimu sendiri, maka rasakanlah sekarang (akibat dari) apa yang kamu simpan itu." (9:35).*
- Imam ak-Sarakhsi-Zakat zakat sama 1/3 Islam
- Abu Bakr r.a memerangi golongan yang kembali kufur setelah kewafatan Rasulullah dan golongan yang enggan berzakat Saidina Abu Bakar as-Siddiq ***“Demi Allah, aku benar-benar akan memerangi orang-orang yang membeza-bezakan antara solat dengan zakat, sebab zakat adalah hak atas harta”*** (Abu Daud).



# Takrif Zakat

- Zakat dari segi bahasa bererti "BERSIH", "SUCI", "SUBUR", "BERKAT" dan "BERKEMBANG"
- Pengertian "BERSIH" dan "SUCI" dalam istilah zakat ialah membersihkan harta dan membersihkan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. Dalam erti yang lain ialah membersihkan diri daripada sifat dengki dan dendam terhadap orang kaya.
- Zakat dari segi syarak pula ialah mengeluarkan sebahagian harta tertentu diberikan kepada asnaf-asnaf yang berhak menerimanya setelah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak

■ **خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ** Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah, supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk), dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka, dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui." - Surah At-Taubah (9:103)



# Beza zakat dengan zakat fitrah

- Zakat fitrah: zakat al-Abdan dan ar-Ru-usal-Fitr (الْفِطْرُ) berbuka atau al-Fithrah (الْفِطْرُ) kejadian. zakat diri yang difardhukan ke atas setiap individu lelaki dan perempuan muslim yang berkemampuan dengan syarat-syarat yang ditetapkan.
- Syarat:
- 1. Individu yang mempunyai lebih makanan atau hartanya dari keperluan tanggungannya pada malam dan pagi hari raya.  
2. Anak yang lahir sebelum matahari jatuh pada akhir bulan Ramadhan dan hidup selepas terbenam matahari.  
3. Memeluk Islam sebelum terbenam matahari pada akhir bulan Ramadhan dan berkekalan Islamnya.  
4. Seseorang yang meninggal selepas terbenam matahari akhir Ramadhan.
- “Rasulullah s.a.w. telah mewajibkan zakat fitrah dan baginda berpesan; “Cukupkanlah mereka (yakni orang-orang fakir miskin) pada hari ini (yakni hari raya puasa)”. (Riwayat Imam al-Baihaqi dan Daruqutni/lihat hadis ini dalam Nailul-Authar, Imam asy-Syaukani, bab Zakat al-Fitri).

# Zakat fitrah

- Abu Said al-Khudry: *"...Adalah kami para sahabat ketika bersama Rasulullah s.a.w sering mengeluarkan zakat fitrah daripada setiap orang yang kecil dan besar, merdeka atau hamba satu gantang makanan atau satu gantang keju atau satu gantang Syair atau satu gantang tamar atau satu gantang zabib. Demikianlah kami terus berbuat demikian sehingga datang kepada kami oleh Muawiyah Abi Sufian bagi mengerjakan amal ibadat haji atau umrah, kemudian beliau menyampaikan ucapannya di atas mimbar, maka dalam ucapannya kepada orang ramai beliau berkata: Saya berpendapat, bahawa satu mud (cupak) gandum Sham menyamai satu Sha' (gantang) tamar. Setelah itu, masyarakat pun berbuat demikian sedangkan Abu Sufian berkata: aku tetap mengeluarkannya sebagaimana mulanya"* - Riwayat Muslim
- Segantang Baghdad bersamaan 2.70 kg beras atau senilai dengannya . Msia RM5 UK3.50
- WAKTU WAJIB  
Apabila terbenam matahari akhir 30 Ramadhan sehingga terbit matahari esoknya. WAKTU YANG PALING AFDHAL  
Sebelum sembahyang Hari Raya

# Hikmah Zakat

- Secara spiritual dan berbentuk material.
- Mengagihkan sebahagian kecil kekayaan daripada golongan yang berada kepada golongan yang kurang berada.
- Membersihkan diri pembayar zakat. Membersihkan dan menyuburkan harta pembayar zakat.
- Mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh ALLAH SWT di kalangan golongan yang berada.
- Mengurangkan perasaan irihati di kalangan yang kurang bernasib baik. Mewujudkan perhubungan antara hamba dengan ALLAH SWT di samping perhubungan antara manusia dengan manusia.
- Mewujudkan kesatuan di kalangan masyarakat Islam dalam urusan ekonomi dan kewangan. Memberi masyarakat satu cara mengurus ekonomi dan kewangan yang diredhai oleh ALLAH SWT.
- Melahirkan rasa tenang dan tenteram dalam hati dan jiwa pembayar zakat

# Syarat Zakat?

- 1. Islam
- 2. Berakal dan baligh
- 3. Merdeka
- 4. Nisab: 20 misqal emas, 85 gram emas atau 196 gram perak  
Msia: RM9200, UK: £2056.07
- 5. Haul: Bermaksud genap setahun iaitu selama 354 hari mengikut tahun Hijrah
- Syarat harta kena zakat: 1. pemilikan sempurna 2. lebihan dari keperluan asas 3. Setahun
- Muadz bin Jabal diutus ke Yaman, Rasul berpesan diantaranya:  
■ ... فَأَعْلِمُهُمْ أَنَّ اللَّهَ افْتَرَضَ عَلَيْهِمْ صَدَقَةً تُؤْخَذُ مِنْ أَغْنِيَائِهِمْ فَتُرَدُّ فِي فُقَرَائِهِمْ ...
- *Maka beritabukan kepada mereka bahwa Allah mewajibkan atas mereka shadaqah (zakat), yang diambil dari orang-orang kaya mereka dan dikembalikan pada orang-orang fakir mereka (HR Bukhari, Muslim, Abu Dawud, an-Nasai, at-Tirmidzi, Ibn Majah dan Ahmad, lafal menurut Muslim)*

# Harta dikenakan Zakat

- Zakat Pendapatan
- Zakat Perniagaan
- Zakat Wang Simpanan
- Zakat Emas & Perak
- Zakat Saham
- Zakat KWSP
- Zakat Pertanian
- Zakat Ternakan



# Zakat Pendapatan

- *يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ ط وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِآخِذِيهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ* "Wahai orang-orang yang beriman, keluarkan zakat sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian dari apa yang kami keluarkan dari bumi untuk kamu." Surah al-Baqarah (ayat 267)
- Sabda Rasulullah s.a.w: "Menjadi sesuatu kewajipan ke atas setiap Muslim bersedekah (zakat)". Mereka bertanya, "Wahai Rasullullah, bagaimana yang tidak mempunyai harta?". Baginda menjawab, "Bekerja untuk mendapat sesuatu untuk dirinya lalu bersedekah." Mereka bertanya, " Kalau tidak mempunyai pekerjaan?". Baginda bersabda, "Tolonglah mereka yang meminta pertolongan". Mereka bertanya lagi, "Bagaimana pula jika tidak berkuasa?". Baginda menjawab, "Kerja ke jalan kebaikan dan tinggalkan kejahatan, hal itu merupakan sedekah".
- Qiyas zakat pertanian.
- In 1997, Majlis Fatwa Kebangsaan fatwa pendapatan wajib



# Zakat pendapatan

- Imam Malik dalam kitabnya Al-Muwatta mengatakan bahawa Khalifah Muawiyah mengutip zakat atas pendapatan. Begitu juga pada zaman pemerintahan khalifah Umar bin Abdul Aziz baginda telah pun melaksanakan zakat pendapatan ini ke atas gaji para tenteranya.
- Fuhaqa' berittifaq (bersepakat) bahawa keperluan asasi yang sangat dihajari oleh manusia adalah terlepas daripada kewajipan zakat.
- Firman Allah s.w.t: *وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنْفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ الْآيَاتِ لَعَلَّكُمْ تَتَفَكَّرُونَ* "Dan mereka bertanya kepada kamu " apakah yang mereka akan belajakan (dermakan)? Katakanlah : Yang berlebih dari keperluan (kamu)." Surah al-Baqarah (1: 219)
- 2.5%

# Zakat Perniagaan

- Zakat perniagaan ialah zakat yang wajib dikeluarkan hasil daripada harta perniagaan dengan tujuan diperniagakan, sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau dengan bukan Islam, perniagaan semua jenis syarikat, koperasi atau perniagaan saham dan sebagainya.
- 2.5%

# Zakat Wang Simpanan

- Mata wang wajib dikenakan zakat kerana ia boleh digunakan untuk bermuamalah sama dengan emas dan perak. Nisab zakat wang simpanan adalah berdasarkan nilai semasa bagi nisab emas 20 mithqal (85 gram) atau perak (595 gram)
- *Saidina Ali telah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w telah bersabda: "Apabila kamu mempunyai 200 dirham dan telah cukup haul (genap setahun) diwajibkan zakatnya 5 dirham, dan tidak diwajibkan mengeluarkan zakat (emas) kecuali kamu mempunyai 20 dinar (salah satu matawang zaman dahulu yang digunakan di negara Arab). Apabila kamu mempunyai 20 dinar dan telah cukup haulnya diwajibkan zakatnya setengah dinar. Demikian juga kadarnya jika nilainya bertambah dan tidak diwajibkan zakat bagi sesuatu harta kecuali genap setahun."*
- 2.5%

# Zakat Emas dan Perak

- *يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ يَوْمَ يُحْمَىٰ عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُكْوَىٰ بِهَا جِبَاهُهُمْ (٣٤) فَبَشِّرْهُم بِعَذَابِ أَلِيمٍ ) Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak dibelanjakan pada jalan Allah (tidak mengeluarkan zakat), maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya (iaitu) pada hari dibakar emas dan perak (dan harta benda) itu dalam neraka jahanam lalu diselar dengannya dahi, rusuk serta belakang mereka (sambil dikatakan kepada mereka), inilah apa yang telah kamu simpan untuk diri kamu, oleh itu rasakan (azab dari) apa yang kamu simpan itu“ (Surah At-Taubah: 34-35)*
- 2.5%

# Zakat KWSP

- Fatwa Negeri Selangor, Pencarum KWSP digalakkan mengeluarkan zakat sejourus menerima atau mengeluarkan wang KWSP tersebut jika cukup nisabnya tanpa menunggu haul setahun.
- 2.5%

# Zakat Pertanian

## ■ SYARAT

- 1. Islam, 2. Sempurna milik, 3. Merdeka
- 4. Cukup Nisab - \* cukup sukatan iaitu 5  
Ausuk bersamaan 363 gantang 1,620 kg
- 5. Biji-bijian dan buah-buahan hendaklah  
ditanam oleh manusia
- 5% bagi keseluruhan hasil tanaman.



# Zakah Ternakan

## ■ SYARAT

- 1. Islam, 2. Sempurna milik, 3. Merdeka 4. Cukup Nisab (Genap setahun)

5. Binatang ternakan yang tidak digunakan untuk bekerja seperti membajak sawah, menarik kereta dan sebagainya.

## ■ Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

*"Daripada Muaz Ibnu Jabal, beliau berkata: Baginda Rasulullah SAW telah mengutus aku ke Yaman dan beliau memerintahkan aku dari setiap 40 ekor lembu, satu ekor lembu \*musinnah (seekor lembu betina yang umurnya mencapai 3 tahun) dan dari tiap-tiap 30 ekor lembu, \*\*tabi`, atau tabiah (satu ekor lembu jantan atau betina yang mencapai umur 2 tahun)."*

- 1 ekor lembu bagi setiap 40 ekor lembu

# Asnaf Zakat

- **إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ طَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ** at-Tawbah [9]: 60,
- **ASNAF FAKIR** - Fakir ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta hasil usaha (pekerjaan) yang halal dan layak dengannya untuk memenuhi keperluan dirinya dan tanggungannya termasuklah makanan, pakaian, tempat tinggal dan keperluan-keperluan lain.
- **ASNAF MISKIN** - Miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta dan hasil usaha (pekerjaan) yang halal dan layak dengannya tetapi masih tidak mencukupi untuk menanggung keperluan dirinya dan tanggungannya.
- **ASNAF AMIL** - Orang yang dilantik / ditauliahkan oleh Sultan atau Naibnya untuk penyelenggaraan hal-hal zakat.
- **ASNAF MUALLAF** - Orang yang baru memeluk Islam iaitu "orang yang dijinakkan hatinya" dengan diberi bantuan supaya mereka teguh mencintai Islam.
- **ASNAF RIQAB** - Iaitu hamba mukatab yang ingin memerdekakan dirinya.
- **ASNAF GHARIMIN** - Orang Islam yang berhutang untuk memenuhi keperluan asasi bagi permasalahan diri atau keluarga tanggungannya atau orang yang berhutang untuk menyelesaikan masalah masyarakat dan memerlukan :
- **ASNAF FISABILILLAHI** - Fisabilillah ialah tiap-tiap perbuatan / perkara yang menjurus kepada keperluan dan masalah untuk menegakkan syiar Islam.
- **ASNAF IBNI SABIL** - Orang Islam yang kehabisan perbelanjaan dalam perjalanan atau orang yang hendak memulakan perjalanan sedangkan ia tidak mempunyai belanja dengan s

Thank You

Zulkifli Hasan

<http://zulkiflihasan.wordpress.com>